

UMS terajui pengkomersilan produk teknologi nano

UB 30-7-13 B13

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) melangkah setapak lagi melalui pengukuhan jalinan kerjasama dengan Tokyo Institute of Technology (TITEC) bagi pengkomersilan projek usahasama penyelidikan dalam bidang teknologi nano, khusus dalam penghasilan gentian nano dan gentian nano membran.

Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Dr Mohd Harun Abdullah telah mengetuai rombongan ke Tokyo bagi membincangkan kerjasama dalam bidang pengkomersilan teknologi berkenaan, manakala TITEC diwakili Eksekutif Naib Presiden, Profesor Kiyoshi Okada.

Hasilnya, UMS bakal dijadikan sebagai tapak kajian pengkomersilan manakala syarikat berasaskan minyak dan gas di Malaysia akan

menjadi rakan kerjasama.

Produk gentian nano akan digunakan sebagai bahan penyerap tumpahan minyak dalam industri minyak dan gas, manakala gentian nano membran akan digunakan dalam penyulingan air laut dan sisa air buangan industri bagi menghasilkan air bersih.

Menurut fakta kajian yang dijalankan oleh UMS dan TITEC, gentian nano mampu menyerap sehingga 50 gram minyak bagi setiap gram gentian dalam tempoh kurang dari 30 saat. Sistem yang direkabentuk juga dijangka mampu membersihkan tumpahan minyak pada kadar 1 tan minyak dalam tempoh sejam.

Teknologi yang direkabentuk merupakan yang pertama seumpamanya diduniadiperkenalkan kepada industri minyak dan gas.

Teknologi gentian nano dijangka bakal

mempercepatkan proses pembersihan tumpahan minyak yang akan menyelamatkan banyak hidupan semulajadi serta dapat menyelesaikan masalah pembersihan tumpahan semasa gelombang ombak yang kuat.

Penggunaan gentian nano membran dalam penyulingan air laut pula dijangka mampu menjimatkan penggunaan tenaga lebih daripada 50 peratus berbanding sistem osmosis berbalik serta dapat mengurangkan masalah membran tersumbat.

Turut hadir diperbincangan itu, Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Mohd Said, Dekan Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat (SKTM) merangkakapardan penyelidik utama teknologi nano; Ir Professor Madya Dr Rosalam Sarbatly dan Pensyarah Kanan SKTM, Dr Mohd Kamil Wan Ibrahim.

東京工業大学 大岡山キャンパス

Tokyo Institute of



ROMBONGAN UMS yang diketuai oleh Harun bergambar bersama Kiyoshi (tiga dari kiri).